

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002**

**SEPTEMBER 2001**

**RMK 356 - PENGURUSAN BINAAN DAN KEWANGAN**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja: Jawab **DUA** soalan daripada **Bahagian A** dan **DUA** soalan daripada **Bahagian B**

**BAHAGIAN A: (Jawab DUA soalan sahaja)**

1. Malway Construction yang baru ditubuhkan pada Oktober 2000 adalah sebuah firma yang menyediakan khidmat Perundingan Lanskap, Kerja-Kerja Pembersihan dan Pembinaan Bangunan. Butir-butir urusniaga berikut telah didapati dalam akaun firma berkenaan untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30 September 2001.
  - (a) Mengeluarkan tunai sebanyak RM12,500 sebagai bayaran periklanan. Bayaran ini dicaj terus sebagai belanja pada tarikh bayaran dibuat.
  - (b) Membuat pembelian untuk Akaun Pra-Bayar seperti berikut:
    - i) Alatulis bernilai RM2,300 (dibeli secara kredit)
    - ii) Premium Insurans (6 bulan pada kadar RM600/bulan)
    - iii) Sewa Pejabat (1 tahun pada kadar RM1,500/bulan)
  - (c) Upah dan Gaji Pekerja untuk setahun berjumlah RM93,000 telah dibayar.
  - (d) Mengemukakan permohonan Bayaran Kemajuan sebanyak RM350,000 kepada USAINS Holding. Dari jumlah ini sebanyak RM320,000 telah diterima. Selain dari itu sejumlah RM26,000 baki bayaran tahun sebelumnya juga telah diterima pada Mac 2001.

... 2/-

- (e) Kos Barangniaga seperti anak-anak pokok, bahan binaan dan bahan hiasan yang bersangkutan dengan jualan tahun 2001 (perkara 4) bernilai sejumlah RM230,000.
- (f) Barangniaga yang dibeli sepanjang tahun 2001 berjumlah RM295,000. Semua belian ini dibuat secara kredit. Walau bagaimanapun, sehingga September 2001 sejumlah RM282,000 dari hutang ini telah dijelaskan.
- (g) Keseluruhan Premium Insuran dan sebahagian Sewa Pejabat yang dibayar pada tahun 2001 dicajkan sebagai belanja.
- (h) Alatulis yang dibeli secara kredit (Perkara 2) dibayar sepenohnya dalam bulan September 2001. 90% dari nilai alatulis berkenaan telah digunakan dan dicajkan sebagai belanja.
- (i) Sebuah lori kecil bernilai RM55,000 dibeli untuk mengangkut bahan-bahan ketapak bina. 20% dari harga lori dibayar tunai manakala bakinya akan dijelaskan secara ansuran bulanan dalam tempoh 24 bulan.
- (j) Seekar tanah di Balik Pulau yang akan digunakan sebagai tapak semaian telah dibeli pada harga RM45,000. dengan kemudahan pembiayaan dari RHB Bank. Tanah dicagarkan sebagai jaminan.

**Soalan:**

- (i) Sediakan catitan Jurnal yang sewajarnya untuk setiap urusniaga yang disenaraikan di atas.
- (ii) Pindahkan maklumat ke dalam Lejar.
- (iii) Sediakan Penyata Pendapatan untuk firma bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2001.
- (iv) Sediakan Kunci Kira-Kira Firma seperti pada 30 September 2001.

(25 markah)

... .3/-

2. Bincangkan kepentingan “**Pengurusan Modal Kerja**” dalam sesuatu organisasi perniagaan. Juga, sila beri huraian ringkas apakah persamaan atau perbezaan utama antara amalan Pengurusan Modal Kerja dalam firma pembinaan dengan firma bukan binaan (misalnya firma pengeluaran)?

(25 markah)

3. Sewapajak merupakan satu kaedah pembiayaan yang penting khususnya untuk tujuan perolehan aset tetap. Bincangkan kelebihan dan keburukan kaedah pembiayaan ini dalam konteks perolehan jentera berat oleh firma binaan.

(25 markah)

**BAHAGIAN B:** (Jawab DUA soalan sahaja)

4. (a) Bezakan antara pengurusan binaan dan pengurusan operasi.  
(b) Huraikan peranan yang sepatutnya diambil oleh seorang pengurus projek.

(25 markah)

5. (a) Komunikasi memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan projek. Bincangkan.  
(b) Apakah halangan-halangan dalam komunikasi dan jalankan bagaimana untuk mengatasinya?

(25 markah)

6. (a) Bezakan antara struktur organisasi kefungsian dan matriks.  
(b) Apakah faktor-faktor yang patut diambil kira apabila memilih struktur organisasi untuk sesuatu projek?

(25 markah)

-ooo00ooo-

